



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	30/10/2019	MUKA SURAT	:	32
JABATAN	:	JPS			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

Kaji tambah baik infrastruktur sistem pengairan

BAGAN SERAI - Kerajaan Perak sedang mengkaji penambahbaikan infrastruktur sistem pengairan untuk jangka masa panjang sebagai usaha mengurangkan kerosakan sawah padi akibat banjir yang kini melanda kawasan Parlimen Bagan Serai.



ABDUL YUNUS

Exco Kemudahan Awam dan Infrastruktur, Pertanian dan Perladangan Perak, Abdul Yunus Jamahri berkata, ia perlu bagi memastikan kerosakan sawah dapat diminimumkan apabila berlakunya bencana seperti banjir.

Menurutnya, sawah padi seluas 147 hektar yang melibatkan Kampung Matang Merbau, Kampung Parit Mat Keling, Kampung Parit Aki Kalang, Kampung Parit Simpang Empat, Kampung Parit Simpang Lima, Kampung Parit J dan Kampung Parit Air Itam telah terjejas akibat banjir itu.

"Ia juga telah mengakibatkan 117 pesawah mengalami kerugian sebanyak RM125,000.

"Kerajaan negeri memandangkan serius kerosakan sawah padi kerana punca kejadian itu disebabkan hujan lebat yang berterusan

pada musim tengkujuh," katanya selepas melawat sawah padi di Kampung Matang Merbau di sini semalam.

Kejadian sawah padi ditenggelami banjir berlaku di Parlimen Bagan Serai sejak 21 Oktober lalu akibat hujan lebat pada musim tengkujuh.

Abdul Yunus berkata, antara tindakan yang diambil pada peringkat awal ialah menerusi agensi pertanian seperti Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) serta Jabatan Pertanian dengan meletakkan pam sementara untuk mengepam air dari sawah padi.

Katanya, kerajaan Perak juga akan menyalurkan bantuan berbentuk wang tunai atau menyediakan benih padi menerusi tabung bencana kepada petani yang terlibat dengan kerosakan sawah padi.

"Bantuan benih tersebut mengikut keluasan sawah yang dimiliki petani dan kini Jabatan Pertanian negeri sedang membuat banciaan bagi lot sawah yang terbabit," katanya. - *Bernama*